

LAPORAN PROGRAM: BENGKEL PADI HUMA KEDAH SIRI 3

1. PENDAHULUAN

Bengkel Padi Huma Kedah Siri 3 bertemakan “Pengurusan Tuaian dan Lepas Tuai: Analisis Kos dan Pulangan” telah berjaya dilaksanakan pada 8 Januari 2026. Program ini merupakan anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama strategik Persatuan Warisan Padi Huma Sik.

2. OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi pendedahan secara teori dan praktikal mengenai pengurusan tuaian padi huma.
- Memberi pengalaman langsung (hands-on) kepada peserta dalam kerja-kerja mengetam dan meleraikan padi tangkai.
- Mendedahkan kaedah pemprosesan padi kepada beras melalui teknik tradisional dan moden.
- Menganalisis kos dan pulangan hasil bagi memperkukuh ekonomi penanam padi huma.

3. BUTIRAN PROGRAM

Tarikh: 8 Januari 2026 (Khamis)

Masa: 8.30 pagi – 5.00 petang

Tempat: Tasik Beris & Sri Lovely Padi Organik, Sik, Kedah.

4. PENYERTAAN

Program ini telah dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan, antaranya:

1. Wakil Majlis Daerah Sik (MDS)
2. Jabatan MARDI
3. Pejabat Pertanian Daerah Sik
4. Pertubuhan Peladang Negeri (PPK) Kedah
5. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)
6. Pensyarah daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
7. Peserta antarabangsa (International participants)

5. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Sepanjang bengkel berlangsung, para peserta telah terlibat dalam:

- Sesi Praktikal: Mengetam padi huma di bendang dan meleraikan padi daripada tangkai.
- Demonstrasi Pemprosesan: Mempelajari cara memproses padi menjadi beras menggunakan kaedah tradisional (warisan) dan juga teknologi moden.
- Sesi Teori: Taklimat mengenai pengurusan lepas tuai dan perkongsian analisis kos untuk memastikan pulangan yang berbaloi kepada pengusaha.

6. PENUTUP

Pihak Jawatankuasa UUM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Padi Huma, SRIllovely, jabatan-jabatan kerajaan, serta semua peserta yang menjayakan program ini. Secara keseluruhannya, program berjalan dengan lancar dan mencapai objektif dalam memelihara warisan padi huma serta memperkukuh jaringan kerjasama antara akademia, agensi kerajaan, dan komuniti setempat. Diharapkan ilmu yang diperolehi dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan program di masa hadapan akan terus ditambah baik bagi memperkasakan industri padi huma di Kedah.

Disediakan oleh:

DANIA FARZANA BINTI SAIFUL ANUAR

PRAKTIKAL UNIT PERHUBUNGAN AWAM & KOMUNIKASI KORPORAT (MDS)

Bengkel Padi Huma Kedah Siri 3



- **Gambar 1** : Perasmian program bersama Penjarah UUM dan Pemilik Tanah Padi Huma.



● **Gambar 2:** Melawat Padi Huma dan Belajar cara membuat beras dari Padi Huma.



- **Gambar 3:** Mengetam Padi Huma menggunakan alat tradisional iaitu “Ani- ani”



- **Gambar 4:** Alat Mengetam Padi Huma yang dikenali sebagai 'Ani- ani'



- **Gambar 6:** Mengirik Padi Huma dari tangkal dengan kaki & Menggunakan alatan iaitu “Lesung Kaki” untuk menghasilkan beras dengan menumbuk Padi Huma.



- **Gambar 5:** Pembungkusan jualan beras dari hasil Padi Huma & Jenis- jenis Padi Huma.



